

LAPORAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH

Nama Program:	Diploma Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah
No. Ruj. Pemohonan:	MQA/FA 4598
Nama *PPT:	Kolej Teknologi Darulnaim
Alamat PPT:	Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

PPT = Pemberi Pendidikan Tinggi

LATAR BELAKANG PROGRAM:

1. Tahap Program: Diploma / Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)
2. Jumlah Kredit Bergraduasi: 97 Kredit
3. Bidang Pengajian: 221 - *Religion*
4. Bahasa Pengantar: Bahasa Melayu dan Bahasa Arab
5. Mod Program: Sepenuh Masa
6. Kaedah Pengajaran: Kuliah, Tutorial, Amali dan Praktikum
7. Kaedah Pengendalian: Konvensional
8. Tempoh Pengajian

	Sepenuh Masa	
	Semester Panjang	Semester Pendek
Bilangan Minggu*	17	9
Bilangan Semester	5	2
Bilangan Tahun	2 ½ tahun	

*Termasuk minggu ulangkaji dan peperiksaan

9. Kelayakan Masuk: - Lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran dan lulus dalam salah satu mata pelajaran Bahasa Arab atau salah satu mata pelajaran Pengajian Islam.

10. Pecahan klasifikasi kursus adalah seperti di bawah:

	Klasifikasi Mata Pelajaran	Nilai Kredit	Peratus
1	Modul Wajib (MQA)	9	9.3
2	Teras/Major/Tumpuan: <ul style="list-style-type: none">• Khusus• Umum	42 40	43.3 41.2
3	Modul/Kursus Pilihan/Elektif	6	6.2
	Jumlah Nilai Kredit	97	100

11. Institusi Penganugerahan: Kolej Teknologi Darulnaim (KTD)

12. Bukti kerjasama di antara PPT dan PPT Awam, Swasta dan Luar Negara (bagi yang berkaitan).

13. Contoh skrol yang akan dianugerahkan: Dikemukakan.

1. AREA 1: VISI, MISI, MATLAMAT PENDIDIKAN DAN HASIL PEMBELAJARAN

1.1 Ulasan:

1.1.1 Secara amnya program ini telah diberikan Objektif Penawaran Program (*Programme Educational Objectives*, PEO) dan Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Outcomes*, PLO) yang jelas yang menampakkan matlamat dan hasrat yang murni oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menjalankan program ini. Ianya adalah selari misi PPT iaitu "KTD komited menyediakan peluang pendidikan tinggi bersepadu dan terancang melalui perkhidmatan warga kerja berkualiti bagi melahirkan individu yang berilmu, berketrampilan dan berakhlak untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan profesional negara."

1.1.2 PLO yang dikemukakan turut memberikan keutamaan kepada "bidang keusahawanan Islam" dan "kemahiran sistem komputer dan ICT dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah".

1.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

1.2.1 PEO dan PLO tidak memperlihatkan dengan jelas rujukan terhadap Standard Program Pengajian Islam dibuat.

1.2.2 Matriks pemetaan kursus – domain hasil pembelajaran KKM dan PLO tidak dilakukan dengan baik. Ia perlu disemak semula.

1.3 Syarat:

1.3.1 Mengambil tindakan terhadap perkara 1.2 di atas.

1.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

2. AREA 2: REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

2.1 Ulasan:

2.1.1 Reka bentuk kurikulum dibuat oleh Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum yang dipengerusikan oleh Pengurus Hal Ehwal Akademik dan keahliannya terdiri daripada:

1. Penolong Pengurus HEA (Pembelajaran & Pengajaran);
2. Penyelaras Program;
3. Staf akademik dalam bidang pengajian kurikulum yang hendak dibangunkan;
4. Staf akademik dalam bidang lain yang perkhidmatannya diperlukan, seperti Sains Komputer, Perakaunan, Pengurusan, Pengajian Islam, Bahasa Inggeris dan lain-lain.

2.1.2 PPT menggunakan teknik pembelajaran yang bersesuaian seperti berikut:

1. Pembelajaran bersemuka iaitu kuliah, tutorial, '*Student Centered Learning* (SCL), '*Active Learning*' dan '*Cooperative Learning*'.
2. Pembelajaran sendiri pelajar (*self-learning*) seperti projek berkumpulan, tugas individu atau berkumpulan, pembacaan, penerokaan dari internet, ulangkaji sama ada pembelajaran yang diarah atau dibimbing oleh staf akademik atau atas usaha pelajar sendiri.
3. Alat bantu mengajar yang sesuai digunakan untuk mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kaedah ini akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik serta membentuk sahsiah dan etika bekerja yang lebih baik.

2.1.3 Klasifikasi Mata Pelajaran adalah seperti berikut:

Bil.	Klasifikasi Kursus	Nilai Kredit	Peratus
1.	Modul Wajib (MQA)	9	9.3
2.	Teras/Major/Tumpuan: • Khusus • Umum	42 40	43.3 41.2
3.	Modul/kursus pilihan/elektif	6	6.2
Jumlah Kredit Bergraduat		97	100

2.1.4 Senarai kursus/modul yang ditawarkan dalam program adalah seperti berikut:

BIL	SEM /THN	KOD KURSUS /MODUL	NAMA KURSUS/ MODUL	KLASIFIKASI	NILAI KREDIT	NAMA STAF AKADEMIK
1	1/1	API 1113	Al-Aqidah Wa Al-Akhlak Al-Islamiyah	Teras Khusus	3	Mariyak Binti Ishak
2		AQS 1213	Al-Hadith	Teras Khusus	3	Wan Muhammad Silmi Bin Hamzah
3		ARB 1112	Al-Lughah Al-Arabiyah I	Teras Umum	2	Hajar Aisyah Binti Abdullah@Sudin
4		PST 1011	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT I)	Teras Umum	1	Afwa Nisae Binti Mohd Noor
5		MPU 2163/ MPU 2143	Pengajian Malaysia / Bahasa Melayu Komunikasi 2	Wajib MQA	3	Azlina Binti Othman
6		ELS 1112	<i>Basic English Skills</i>	Teras Umum	2	Siti Nurul Atini Binti Ibrahim
7		DCS1113	Pengenalan Kepada Perkakasan dan Aplikasi Komputer	Teras Umum	3	Zuraidah Binti Zakaria
8		GSC 1xx1	Ko-Kurikulum I	Teras Umum	1	Noor Enaida bt Tutan Khamin
9	2/1	AQS 1233	Ulum Al-Hadith I	Teras Khusus	3	Wan Muhammad Silmi Bin Hamzah
10		AQS 1263	Hadith Ahkam	Teras Khusus	3	Ahmad Zikri B . Mohamed Ashari
11		ASY 1313	Fiqh Al-Islami	Teras Umum	3	Abdul Hallim B Mohd Rubani
12		AQS 1111	Tartil Al-Quran Wa Hifzuh	Teras Umum	1	Radin Seri Nabahah Bt Ahmad Zabidi
13		ARB 1122	Al-Lughah Al-Arabiyah II	Teras Umum	2	Mohammad Nurul-Amin B Abdul Rahman
14		PST 1021	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT II)	Teras Umum	1	Afwa Nisae Binti Mohd Noor
15		MPU 22X2	MPU 2 (Kemahiran Insaniah)	Wajib MQA	2	Azlina Binti Othman
16		ELS 1212	<i>English Communicative Skills I</i>	Teras Umum	2	Siti Nurul Atini Binti Ibrahim
17		GSC 1xx1	Ko-Kurikulum II	Teras Umum	1	Noor Enaida bt Tutan Khamin

18	SP/1	AQS 1123	Ulum Al-Quran I	Teras Khusus	3	Wan Muhammad Silmi Bin Hamzah
19		PST 3061	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT III)	Teras Umum	1	Afwa Nisaee Binti Mohd Noor
20		MGT 2222	Keusahawanan Islam	Teras Umum	2	Wan Nur Liyana Bt W.M.Fauzi
21	3/2	API 1123	Al-Sirah Al-Nabawiyah	Teras Khusus	3	Mariyak Binti Ishak
22		AQS 2243	Ulum Al-Hadith II	Teras Khusus	3	Mohd Khairol B Mokhtar
23		ASY 2213	Usul Al-Fiqh	Teras Umum	3	Abdul Hallim B Mohd Rubani
24		ARB 2132	Al-Lughah Al-Arabiyah III	Teras Umum	2	Mohammad Nurul-Amin B Abdul Rahman
25		PST 2031	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT IV)	Teras Umum	1	Afwa Nisaee Binti Mohd Noor
26		MPU 2312	Islam dan Pembentukan Masyarakat Malaysia	Wajib MQA	2	Abdul Hallim B Mohd Rubani
27		ELS 2222	<i>English Communicative Skills II</i>	Teras Umum	2	Sharmin Alam
28	4/2	AQS 2163	Tafsir Ayat Al-Ahkam	Teras Khusus	3	Ahmad Zikri B . Mohamed Ashari
29		AQS 2173	Manahij Al-Mufassirin	Teras Khusus	3	Mariyak Binti Ishak
30		AQS 2143	Ulum Al-Quran II	Teras Khusus	3	Mariyak Binti Ishak
31		ARB 2142	Al-Lughah Al-Arabiyah IV	Teras Umum	2	Mohammad Nurul-Amin B Abdul Rahman
32		MPU 24X2	MPU 4 (Khidmat Masyarakat)	Wajib MQA	2	Azlina Binti Othman
33		PST 2041	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT V)	Teras Umum	1	Afwa Nisaee Binti Mohd Noor
34		ELS 2232	<i>English Communicative Skills III</i>	Teras Umum	2	Sharmin Alam
35		XXX XXX3	Elektif	Elektif	3	
36	SP/2	INT 2014	Latihan Industri	Teras Umum	4	Mohd Kamarulzaman B Omar
37	5/3	AQS 3273	Manahij Al-Muhaddithin	Teras Khusus	3	Mariyak Binti Ishak
38		AQS 3253	Takhrij Al-Hadith	Teras Khusus	3	Ahmad Zikri B . Mohamed Ashari
39		AQS 2153	Al-Tafsir	Teras Khusus	3	Ahmad Zikri B . Mohamed Ashari
40		API 2143	Usul Da'wah	Teras Khusus	3	Mohd Khairol B Mokhtar
41		PST 3051	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT VI)	Teras Umum	1	Afwa Nisaee Binti Mohd Noor
42		XXX XXX3	Elektif	Elektif	3	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT					97	

ELEKTIF*						
1		API 2133	Masodir Al Dirasat Al Islamiyah	Elektif	3	Radin Seri Nabahah Ahmad Zabidi

2	ASY 2123	Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami	Elektif	3	Radin Seri Nabahah Ahmad Zabidi
3	MGT 2133	Pentadbiran Dan Pengurusan Islam	Elektif	3	Normaznizam Bt Nawi
4	API 2153	Aliran Pemikiran Semasa	Elektif	3	Abdul Hallim B Mohd Rubani
5	LAW 3223	Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia	Elektif	3	Nur Athirah Bt Othman

2.1.5 Kandungan program ini adalah sesuai dengan penamaan kursus berasaskan beberapa sudut:

- a. Kombinasi kursus mengandungi keperluan hampir keseluruhan keperluan utama bagi program pengajian Islam.
- b. Kombinasi kursus adalah merangkumi kedua-dua komponen utama penamaan program iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang meliputi Tafsir Al-Quran dan Syarah Hadis, Aliran dan Metodologi Ahli Tafsir dan Ahli Hadis.
- c. Senarai kursus, deskripsi, objektif setiap kursus secara umumnya adalah bersesuaian dengan bidang.
- d. Ia mengandungi kursus-kursus utama berkaitan Al-Quran iaitu:

KOD	KURSUS	KREDIT
AQS 1111	Tartil Al-Quran Wa Hifzuh	1
AQS 1123	Ulum Al-Quran I	3
AQS 2143	Ulum Al-Quran II	3
AQS 2163	Tafsir Ayat Al-Ahkam	3
AQS 2153	Al-Tafsir	3
AQS 2173	Manahij Al-Mufassirin	3
	Jumlah	16

- e. Ia juga mengandungi kursus-kursus utama berkaitan as-Sunnah iaitu:

KOD	KURSUS	KREDIT
AQS 1213	Al-Hadith	3
AQS 1233	Ulum Al-Hadith I	3
AQS 2243	Ulum Al-Hadith II	3
AQS 1263	Hadith Ahkam	3
AQS 3273	Manahij Al-Muhaddithin	3
AQS 3253	Takhrij Al-Hadith	3
	Jumlah	18

2.1.6 PPT menggunakan Buku Panduan Pengajian & Peraturan Akademik Diploma KTD .

2.1.7 Proses pengubalan program adalah amat baik dengan melalui proses-proses berikut:

1. Ketua Eksekutif memberi arahan kepada Pengurus HEA untuk merekabentuk kurikulum program baru.
2. Pengurus HEA melantik Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum (JPK) dan dipengerusikan oleh Pengurus HEA sendiri.
3. Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum (JPK) akan berjumpa, bermesyuarat, berbincang, membuat semakan, mendapatkan maklum balas dari pihak berkepentingan dalam menjalankan tugas-tugasnya sehingga cadangan struktur kurikulum program dibentuk.
4. JPK membentangkan cadangan struktur kurikulum program kepada Panel Penasihat Akademik (luaran).
5. Pembetulan dibuat dengan mengambil kira cadangan Panel Penasihat Akademik.
6. JPK membentangkan cadangan struktur program yang telah diperbaiki ke pihak Lembaga Akademik (Kurikulum).
7. Hasil maklumbalas daripada Lembaga Akademik (Kurikulum), JPK membentuk kurikulum terperinci untuk setiap kursus yang telah diluluskan dalam cadangan struktur kurikulum program. Kurikulum lengkap yang dibangunkan dibentangkan kepada Panel Penasihat Akademik (luaran).
8. Setelah pembaikan dibuat, kurikulum lengkap dibentangkan pula kepada Lembaga Akademik (Kurikulum).
9. Selepas pembetulan dan dikemas kini, kurikulum baru ini dibentangkan kepada Senat untuk kelulusan.

10. Setelah kelulusan Senat diperolehi, kurikulum ini dihantar ke pihak MQA dalam format COPPA, MQA-01 untuk kelulusan mengendalikan program oleh KPT.

Ulasan Lawatan:

Semakan Fail Kursus

Semakan fail kursus adalah seperti berikut:

Bil	Nama Kursus	Catatan
1.	AQS 3153 Al-Tafsir	Fail kursus mengandungi soalan, skema. Soalan adalah bersesuaian dengan tahap diploma. Tiada Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).
2.	AQS1143 Ulum al-Quran II	Fail kursus mengandungi Soalan. Soalan adalah bersesuaian dengan tahap diploma. Tiada JSU dan skema.
3.	AQS2163 Tafsir Ayat Ahkam	Fail kursus mengandungi Soalan. Soalan adalah bersesuaian dengan tahap diploma. Tiada JSU dan skema.

Pemerhatian Kelas:

1. Pemerhatian dilakukan bagi dua buah kelas iaitu kelas yang dikendalikan oleh Encik Ahmad Zikri bin Mohamed Ashari bagi kelas berkaitan Pengajian Quran dan kelas yang dikendalikan oleh staf akademik sambilan.
2. Kelas dilengkapi dengan LCD kekal dan mudah alih. Kelas juga disediakan dengan pendingin hawa.
3. Staf akademik menggalakkan penyertaan pelajar dalam kelas melalui soalan yang dikemukakan.
4. Staf akademik menggunakan peralatan yang tersedia.

2.2 Perkara yang perlu diberi perhatian:

- 2.2.1 Kursus berkaitan *fiqh* iaitu Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami yang bersifat "To give an overview of *fiqh* as a discipline and basic understanding of the methodology of the Muslim jurists" hanya diletakkan sebagai kursus elektif.

2.2.2 Terdapat percanggahan maklumat jumlah kredit bergraduasi pada beberapa bahagian. PPT perlu menjelaskan dan mengemukakan struktur kursus yang muktamad untuk semakan jumlah kredit bergraduasi. Jumlah kredit bergraduasi adalah tidak selaras antara 91 atau 94 atau 97 kredit. Sebarang pindaan maklumat pada surat kelulusan perlulah dimohon dengan pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia-Pengajian Tinggi.

2.2.3 Terdapat kandungan kursus yang disusun sehingga 15 & 16 minggu pengajian. Ini menyebabkan maklumat tidak sama pada jadual tempoh program. PPT perlu memastikan pengiraan jumlah minggu per semester mengambil kira jumlah minggu P&P, minggu ulang kaji dan peperiksaan.

2.2.4 PPT perlu mengambil tindakan terhadap kursus selaras dengan ulasan panel penilai dalam jadual berikut:

2.2.5 Ulasan berkenaan kursus program adalah seperti berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus/ Modul	Ulasan
1.	API 1113	<i>Al-Aqidah Wa Al-Akhlak Al-Islamiyah</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: “Pelajar dapat menyebarkan Aqidah Islamiyah yang sebenar dan hubungkait antara akidah dengan akhlak.” Lebih bersesuaian bagi kursus berkaitan dakwah. • Bab 2: Tauhid: Penekanan hanya kepada satu metodologi sahaja. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan kepada CLO4: Menggunakan hujah-hujah yang bersesuaian bagi mempertahankan Islam. • Mengemukakan pembahagian tauhid dalam Ahli Sunnah seperti golongan Ashairah dan golongan ahli tasawuf. Penekanan perlu diberikan kepada pelbagai metodologi selain daripada pembahagian tauhid kepada tiga. Jika tidak ia sekadar pengulangan kepada topik dalam PPST 3.
2.	AQS 1213	<i>Al-Hadith</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: Memahami hadith berdasarkan

			<p>huraian – huraian kitab muhtabar” adalah tidak tepat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada bahan rujukan terkini yang boleh memberikan tafsiran yang bersifat semasa terhadap Hadis. <p>Syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur. • Menunjukkan kefahaman terhadap hadith berdasarkan huraian-huraian kitab muhtabar”. • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
3.	ARB 1112	<i>Al-Lughah Al-Arabiyah I</i>	<p>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: “Menghayati nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks-teks yang dipelajari” adalah sukar diukur. <p>Syarat:</p> <p>Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.</p>
4.	PST 1011	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT I)	-
5.	MPU 2163	Pengajian Malaysia	<p>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada bahan rujukan terkini. <p>Cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
6.	MPU 2143	Bahasa Melayu Komunikasi 2	<p>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</p> <p>CLO: “Mengetahui sistem bunyi, sistem ejaan rumi, kosa kata dan tatabahasa Melayu.” adalah sukar diukur.</p> <p>Syarat:</p> <p>Memastikan pernyataan CLO menggunakan</p>

			kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
7.	ELS 1112	<i>Basic English Skills</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: “Understand variety of written text from various genres” adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <p>Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.</p>
8.	DCS1113	Pengenalan Kepada Perkakasan dan Aplikasi Komputer	-
9.	GSC 1xx1	Ko-Kurikulum I	-
10.	GSC1231	Badminton	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
11.	GSC1221	Bola Jaring	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
12.	GSC1211	Bola Sepak	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Cadangan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
13.	GSC1111	<i>Iqra'</i>	-
14.	GSC1511	Keusahawanan	<u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u>

			<ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan bahan rujukan terkini.
15.	GSC1411	Kepimpinan Kelab dan Persatuan	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan bahan rujukan terkini.
16.	GSC1321	Silat Gayong	-
17.	GSC1311	Tae Kwon Do	-
18.	AQS 1233	<i>Ulum Al-Hadith I</i>	-
19.	AQS 1263	<i>Hadith Ahkam</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO kursus tidak memberikan penekanan kepada isu-isu semasa. Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO kursus perlu memberikan penekanan kepada isu-isu semasa bagi memastikan PLO tercapai. Mengemukakan bahan rujukan terkini.
20.	ASY 1313	<i>Fiqh Al-Islami</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: “Mengetahui tentang hukum-hakam yang asas dalam ibadat dan munakahat” dan” Mengetahui asas-asas pelaksanaan ibadat dan fiqh munakahat” sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.

21.	AQS 1111	Tartil Al-Quran Wa Hifzuh	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: Mengetahui hukum nun mati dan tanwin, mim mati dan mad." Sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
22.	ARB 1122	Al-Lughah Al-Arabiyah II	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: "Menghayati nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks-teks yang dipelajari." adalah sukar diukur. • Bahan rujukan tidak berkaitan dengan kursus. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan kepada CLO4: Menggunakan hujah-hujah yang bersesuaian bagi mempertahankan Islam. • Mengemukakan bahan rujukan berkaitan dengan kursus.
23.	PST 1021	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT II)	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: Kata kerja "memahami..." adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
24.	MPU 22X2	MPU 2 (Kemahiran Insaniah)	-
25.	MPU 2212	Kemahiran Kerja Berpasukan	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: "mengetahui.." adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p>

			<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
26.	MPU 2222	Kemahiran Kepimpinan	-
27.	MPU 2242	Kemahiran Berfikir & Penyelesaian Masalah	-
28.	MPU 2232	Pengucapan Awam	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: "Memiliki keyakinan untuk memberi pengucapan awam..." adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
29.	ELS 1212	<i>English Communicative Skills I</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: "Understand passages of various genres" adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
30.	GSC 1xx1	Ko-Kurikulum II	-
31.	AQS 1123	<i>Ulum Al-Quran I</i>	-
32.	PST 3061	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT III)	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: "memahami..." adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
33.	MGT 2222	Keusahawanan Islam	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: "memahami..." dan "mengetahui.."

			<p>adalah sukar diukur.</p> <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: "memahami..." dan "mengetahui.." ditukar kepada "menunjukkan kefahaman.." dan "menunjukkan pengetahuan..".
34.	API 1123	<i>Al-Sirah Al-Nabawiyah</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
35.	AQS 2243	<i>Ulum Al-Hadith II</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
36.	ASY 2213	<i>Usul Al-Fiqh</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
37.	ARB 2132	<i>Al-Lughah Al-Arabiyah III</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
38.	PST 2031	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT IV)	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: "memahami..." adalah sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p>

			<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pernyataan CLO menggunakan kata kerja yang spesifik dan boleh diukur.
39.	MPU 2312	Islam dan Pembentukan Masyarakat Malaysia	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan bahan rujukan terkini.
40.	ELS 2222	<i>English Communicative Skills II</i>	<ul style="list-style-type: none"> -
41.	AQS 2163	<i>Tafsir Ayat Al-Ahkam</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan bahan rujukan terkini.
42.	AQS 2173	<i>Manahij Al-Mufasssirin</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: " Mengetahui cara-cara mentafsirkan al-Quran dengan menepati syarat –syarat dan manhaj yang sah." Sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menukar CLO: menunjukkan pengetahuan tentang.
43.	AQS 2143	<i>Ulum Al-Quran II</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: " Memahami konsep asas Ahruf Sab'ah dan Qiraat serta perbezaan antara keduanya." Sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menukar CLO kepada: “menunjukkan kefahaman tentang...”
44.	ARB 2142	<i>Al-Lughah Al-Arabiyah IV</i>	<ul style="list-style-type: none"> -

45.	MPU 24X2	MPU 4 (Khidmat Masyarakat)	<ul style="list-style-type: none"> -
46.	MPU 2412	Kepimpinan Kelab, Persatuan Dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> -
47.	MPU 2422	Pengurusan Acara	<ul style="list-style-type: none"> -
48.	PST 2041	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT V)	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> CLO: " Memahami..." sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menukar CLO kepada: "menunjukkan kefahaman tentang..."
49.	ELS 2232	<i>English Communicative Skills III</i>	<ul style="list-style-type: none"> -
50.	INT 2014	Latihan Industri	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Ringkasan kursus tidak dikemukakan. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan ringkasan kursus.
51.	AQS 3273	<i>Manahij Al-Muhaddithin</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan bahan rujukan terkini.
52.	AQS 3253	<i>Takhrij Al-Hadith</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Ringkasan kursus tidak dikemukakan. <p><u>Syarat:</u></p>

			<ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan ringkasan kursus.
53.	AQS 2153	<i>Al-Tafsir</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: " Memahami ..." Sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menukar CLO: menunjukkan kefahaman tentang...
54.	API 2143	<i>Usul Da'wah</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama kursus tidak selaras antara Usul Da'wah dan Fiqh Da'wah. • CLO: " Memahami ..." Sukar diukur. • Rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelaraskan nama kursus. • Menukar CLO: menunjukkan kefahaman tentang... • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
55.	PST 3051	Pemb. Sahsiah Terpuji (PESAT VI)	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • CLO: " Memahami ..." Sukar diukur. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menukar CLO: menunjukkan kefahaman tentang...
56.	API 2133	<i>Masodir Al Dirasat Al Islamiyah</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
57.	ASY 2123	<i>Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami</i>	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini.

			<p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
58.	MGT 2133	Pentadbiran dan Pengurusan Islam	-
59.	API 2153	Aliran Pemikiran Semasa	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.
60	LAW 3223	Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia	<p><u>Perkara yang perlu diberikan perhatian:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan rujukan tidak terkini. <p><u>Syarat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan bahan rujukan terkini.

2.3 Syarat:

2.3.1 Mengambil tindakan terhadap perkara 2.2 di atas.

2.3.2 Membuat perubahan terhadap kursus Tarikh Tashri' Islami ASY 2123 sebagai kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar sebagai kursus asas Pengajian Islam.

2.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

3. AREA 3: PENILAIAN PELAJAR

3.1 Ulasan:

3.1.1 Penilaian dilakukan adalah mengikut kaedah penilaian standard iaitu berpandukan kepada kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam rancangan pembelajaran yang terbahagi kepada 2 bahagian yang besar iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif.

3.1.2 Gred permorkahan yang disediakan adalah jelas dengan pembahagian gred daripada A sehingga F:

Markah	Mata Nilai	Gred	Status
80 – 100	4.00	A	LULUS
75 – 79	3.70	A-	
70 – 74	3.30	B+	
65 – 69	3.00	B	
60 – 64	2.70	B-	
55 – 59	2.30	C+	
50 – 54	2.00	C	
45 -49	1.70	C-	
40 – 44	1.50	D	GAGAL
30 – 39	0.70	E	
0 – 29	0.00	F	

3.1.3 Kaedah penilaian yang digunakan adalah mencerminkan tahap program iaitu tahap Diploma.

3.1.4 PPT mempunyai sistem penilaian yang sistematik melalui:

- Prosedur penilaian yang jelas;
- Buku Peraturan Akademik Program Diploma KTD.

3.1.5 Proses rayuan dan semakan semula penilaian dinyatakan di dalam Buku Peraturan Akademik Program Diploma KTD, BAHAGIAN VII: Penilaian, Perkara 6. Rayuan Keputusan Gred Mata Pelajaran.

3.1.6 Proses penyediaan dan semakan bahan penilaian turut melibatkan Panel Penasihat Luar.

3.1.7 PPT mempunyai mekanisme yang baik bagi penyediaan kertas soalan dan didokumentasikan dengan baik.

3.1.8 Penilaian pelajar dilaksanakan dengan meliputi semua kandungan program, memenuhi hasil pembelajaran, berterusan, menggunakan pelbagai kaedah dan merangkumi aras domain kognitif dan hasil pembelajaran.

3.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

3.2.1 Soalan peperiksaan tidak semuanya disediakan skema jawapan dan jadual spesifikasi ujian.

3.3 Syarat:

- 3.3.1 Menyediakan skema jawapan bagi soalan peperiksaan termasuk Jadual Spesifikasi Ujian sebagai penentuan tahap taksonomi bahan penilaian.

3.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

4. AREA 4: PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

4.1 Ulasan:

- 4.1.1 Syarat kemasukan (akademik) yang ditetapkan oleh PPT adalah seperti berikut:

Pelajar Tempatan:

- Lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran dan lulus salah satu (1) mata pelajaran Bahasa Arab atau salah satu mata pelajaran Pengajian Islam.

- 4.1.2 PPT mempunyai peraturan artikulasi, pemindahan kredit, dan pengecualian kredit seperti termaktub di dalam Buku Peraturan Akademik KTD.

- 4.1.3 PPT memberikan khidmat sokongan pelajar yang amat baik meliputi Perkhidmatan Kaunseling, Perkhidmatan Pembangunan Kemahiran Insaniah, Program Pembangunan Sahsiah Terpuji (PESAT), Perkhidmatan Kediaman Pelajar, Perkhidmatan Bantuan Kewangan, Perkhidmatan Pengangkutan Percuma dan Perkhidmatan Penasihat Akademik.

- 4.1.4 KTD mempunyai mekanisme yang baik terhadap Pembentukan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan mengadakan pilihan raya kampus pada setiap tahun.

- 4.1.5 PPT telah meletakkan tanggungjawab kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk sentiasa membuat perhubungan dengan alumni bagi mengetahui perkembangan graduan KTD. Seorang pegawai telah ditugaskan untuk mengendalikan mengenai perkara ini. Beberapa orang AJK Persatuan Alumni KTD merupakan staf KTD dan ini memudahkan lagi perhubungan KTD dengan pihak alumni.

- 4.1.6 PPT menyediakan khidmat sokongan pelajar berkaitan sukan iaitu lapangan permainan badminton dan sewaan padang permainan dengan institusi berhampiran. Khidmat sokongan berkaitan kesihatan disediakan kepada pelajar melalui hospital kerajaan.

Ulasan Lawatan:

Semakan dokumen Pelajar

Semakan pegawai terhadap semua fail pelajar, didapati kelayakan masuk pelajar dipatuhi selaras kelulusan KPT dan keperluan Standard Program Pengajian Islam.

1. Semakan fail kursus adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pelajar	Catatan
1.	Wan Mohamad Nur Shafiq bin Wan Dali 20151601DQS009	Kelayakan masuk adalah memadai dengan kelebihan kursus berkaitan pengajian Islam mendapat kepujian. Pelajar mengambil kursus Tarikh Tashri' Islami pada semester 3.
2.	Rabiatul Adawiyah bt Jamaludin 20151601DQS005	Kelayakan masuk adalah memadai. Pelajar mengambil kursus Tarikh Tashri' Islami pada semester 3.
3.	Mohd Hafiz bin Yussof 20151601DQS006	Kelayakan masuk adalah memadai. Pelajar mengambil kursus Tarikh Tashri' Islami pada semester 3.

Temubual Pelajar:

1. Penguasaan pelajar bagi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris secara umumnya berada pada tahap yang sederhana.
2. Penguasaan pelajar terhadap kursus yang telah diajar secara umumnya berada pada tahap yang sederhana.
3. Pengajaran staf akademik adalah baik - memberikan ringkasan kursus di awal pengajaran dan membuka ruang kepada pelajar untuk bertanya. Pengajaran meliputi pembentangan kertas kerja dan tugas.
4. Pelajar menggunakan khidmat kaunselor yang disediakan.

5. Pelajar mengemukakan permasalahan melalui penasihat akademik dan borang aduan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
6. Kemudahan sukan hanya untuk sukan badminton.
7. Kemudahan *wifi* tidak memuaskan.
8. Kurang rujukan dalam Bahasa Arab di perpustakaan.
9. Pelajar tidak mempunyai maklumat yang jelas bagi tujuan menyambung pelajaran.

4.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

4.2.1 Kemasukan ke program ini adalah dengan syarat minimum iaitu 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran tanpa mewajibkan keperluan kepujian / kelulusan yang baik dalam mata pelajaran berkaitan Bahasa Arab disarankan dilihat semula kerana pelajar memerlukan asas Bahasa Arab yang baik selaras dengan pengajaran dalam Bahasa Arab dan keperluan untuk memahami kitab-kitab dalam Bahasa Arab.

4.2.2 Tiada kursus berkaitan *career path way* kepada para pelajar.

4.2.3 Khidmat sokongan berkaitan sukan tidak memadai.

4.3 Syarat:

Tiada.

4.4 Cadangan Penambahbaikan:

4.4.1 Meletakkan syarat kemasukan yang lebih luas seperti: "*A recognised Certificate in Islamic Studies or its equivalent.*" bagi meningkatkan daya saing penerimaan pelajar.

4.4.2 Meningkatkan kemampuan pelajar khususnya berkaitan penggunaan Bahasa Arab dan Inggeris ketika mengikuti pengajian.

4.4.3 Menganjurkan kursus berkaitan *career pathway* kepada para pelajar.

4.4.4 Meningkatkan khidmat sokongan berkaitan sukan dan memberikan galakan kepada peningkatan kemahiran sukan bagi pelajar yang mempunyai bakat dalam bidang sukan tertentu.

5. AREA 5: STAF AKADEMIK

5.1 Ulasan:

5.1.1 PPT mempunyai dasar pengambilan dan perkhidmatan staf akademik yang jelas berdasarkan kepada di dalam Terma Dan Syarat Perkhidmatan EQ Resources Sdn. Bhd dan Kolej Teknologi Darulnaim, Fasal II: Pelantikan, Gaji, Kenaikan Pangkat dan Persaraan.

5.1.2 PPT menetapkan amalan bagi pengagihan beban pengajaran staf akademik yang baik seperti berikut:

Staf Akademik Sepenuh Masa:

- Minimum 12 jam seminggu
- Maksimum 18 jam seminggu

Staf Akademik Separuh Masa:

- Minimum 3 jam seminggu
- Maksimum 9 jam seminggu

5.1.3 Kesemua staf akademik mempunyai kesesuaian kelayakan akademik pada tahap ijazah pertama dengan kursus yang diajar.

5.1.4 PPT menetap dan mengemukakan kriteria penilaian staf akademik yang jelas.

5.1.5 Proses dan tatacara pengurusan disiplin staf akademik adalah mengikut panduan yang terdapat dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan EQ Resources Sdn. Bhd dan Kolej Teknologi Darulnaim, Fasal V: Fasal V: Tatatertib, Salahlaku dan Hukuman.

5.1.6 Nisbah staf akademik kepada pelajar = 1:3 adalah amat memuaskan dan perlu dioptimumkan.

5.1.7 PPT mempunyai polisi dan prosedur bagi pembangunan profesional dan peningkatan kerjaya bagi kakitangan akademik yang dinyatakan di dalam bahagian Rujuk Terma dan Syarat Perkhidmatan Staf EQ Resources dan Kolej Teknologi Darulnaim.

5.1.8 PPT menyediakan kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran kepada staf akademik antaranya:

Bil.	Kursus	Tarikh
1.	Kursus Penulisan Tesis Pantas dan Pengurusan Artikel	11 Februari 2017
2.	Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran: Cloud Computing	26 Oktober 2017
3.	Sesi Perbincangan Tentang Isu Berkaitan Pekerjaan oleh Persekutuan Majikan-majikan Malaysia.	19 September 2017
4.	Bengkel <i>Outcome Based Education</i> - Siri 2	3-4 Mei 2017
5.	Bengkel <i>Outcome Based Education</i>	31 Jan 2017

Ulasan Lawatan:

Temubual dengan Ketua Program

Pegawai yang ditemu bual ialah:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Encik Wan Muhammad Silmi Hamzah	Penyelaras Program
2.	Puan Zuraidah Zakaria	Timbalan Ketua Eksekutif

- En. Wan Muhammad Silmi Hamzah bertindak sebagai Ketua Program. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Quran dan Sunnah daripada Universiti Sains Islam Malaysia. Jam mengajar adalah 10 kredit/minggu.
- Puan Zuraidah Zakaria turut terlibat dalam temuramah kerana beliau merupakan Penyelaras Program terdahulu. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Komputer.
- Isu berbangkit ialah perubahan jumlah kredit daripada 91 ke 94 dan ke 97. Walau pun ia menunjukkan berlaku penambahbaikan tetapi dilakukan tanpa mematuhi prosedur yang sepatutnya yang melibatkan MQA dan KPT di mana makluman perubahan perlu dibuat dan kelulusan perubahan jumlah kredit perlu diperolehi daripada JPT, KPT.
- Isu dokumentasi yang lemah disebabkan pegawai yang telah berhenti dan tiada latihan secukupnya kepada pegawai sedia ada.

Temubual dengan Staf Akademik

Staf akademik yang ditemuramah ialah:

Bil.	Nama	Kelayakan Akademik	Kursus Yang Diajar	Jumlah Jam Mengajar
1.	Encik Ahmad Zikri bin Mohamed Ashari	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Ijazah Sarjana Muda Usuluddin	Takhrij Hadis, Isu-isu kontemporari, Aliran pemikiran semasa, Tafsir	18 jam dengan 5 kursus.

- PPT turut melantik staf akademik sambilan.
- PPT menyediakan kursus berkaitan pengajaran berkaitan OBE tetapi belum benar-benar mantap dan melibatkan pakar yang benar-benar dalam bidang OBE.
- Staf akademik menunjukkan pengetahuan tentang proses penyediaan soalan yang baik.
- Staf akademik mencadangkan kursus induksi bagi staf akademik baharu.

5.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

- 5.2.1 PPT berhadapan dengan permasalahan '*turn over*' staf akademik yang berpengalaman.
- 5.2.2 Kursus bagi staf akademik baharu tidak memadai.
- 5.2.3 PPT perlu mematuhi beban pengajaran berdasarkan Garis Panduan Beban Mengajar Staf Akademik yang dikeluarkan oleh MQA.

5.3 Syarat:

- 5.3.1 Mematuhi beban pengajaran berdasarkan Garis Panduan Beban Mengajar Staf Akademik yang dikeluarkan oleh MQA.

5.4 Cadangan Penambahbaikan:

- 5.4.1 Membuat penambahbaikan kepada skim gaji yang dibayar kepada staf akademik bagi berhadapan dengan permasalahan '*turn over*' staf akademik yang berpengalaman.

5.4.2 Mengadakan kursus induksi bagi staf akademik.

6. AREA 6: SUMBER PENDIDIKAN

6.1 Ulasan:

6.1.1 PPT menyediakan kemudahan-kemudahan fizikal bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran meliputi:

Bil	Kemudahan	Semasa		Unjuran Penambahan			
		No	Kapasiti	JULAI 2016		2017	
				No	Kapasiti	No	Kapasiti
1	Bilik Kuliah*	19	30-60 org	1	30-60 org	8	50-70 org
2	Dewan Kuliah*	8	80-120 org	-	-	-	-
3	Bilik Audio Video	2	30 org	-	-	-	-
4	Makmal Kejuruteraan Elektronik	1	20 org	-	-	-	-
5	Makmal Fizik / Studio Ukur Bahan	1	20 org	-	-	1	30 org
6	Bengkel Kejuruteraan Elektrik	1	20 org	-	-	-	-
7	Makmal Komputer (IT)*	4	20-30 org	-	-	-	-
8	Makmal Komputer (Multimedia)	1	20 org	-	-	-	-
9	Studio Multimedia	1	10 org	-	-	-	-
10	Perpustakaan* (termasuk 3 bilik perbincangan)	1	120 org	-	-	-	240 org
11	Ruang Legar* – untuk pelajar belajar dan berbincang	2	200 org	-	-	-	-
12	Bilik Aktiviti Pelajar*	2	15 org	-	-	-	-
13	Ruang Rehat Pelajar*	1	20 org	-	-	-	-
14	Dewan Utama*	1	500 org	-	-	-	-
15	Dewan Besar*	1	150 org	-	-	-	-

6.1.2 PPT tidak menyediakan bajet bagi kerja-kerja penyelidikan, tetapi menyokong usaha penyelidikan dengan menggalakkan staf membuat penyelidikan dengan mendapatkan geran daripada badan-badan luar ataupun melalui kerja perundingan.

6.1.3 PPT melantik Pensyarah Pelawat dan Profesor Pelawat (*Visiting Lecture* dan *Visiting Professor*) dalam bidang tertentu.

6.1.4 PPT melantik Penasihat Akademik (Luar) yang terdiri daripada pakar pendidikan dan pengamal dalam industri bagi menyemak dan memberi nasihat dalam perancangan dan pembangunan program berbentuk pendidikan dan kaedah pengajaran.

6.1.5 Bilik kebal mempunyai ciri-ciri yang baik iaitu kunci hanya dipegang oleh individu tertentu, buku log disediakan dan sistem kunci yang baik.

6.1.6 PPT sedang menjalankan proses *resizing* bagi berhadapan dengan keadaan kewangan semasa.

Ulasan Lawatan:

Lawatan Kemudahan

Bilik Kebal

- Bilik kebal mempunyai ciri-ciri yang baik iaitu kunci hanya dipegang oleh individu tertentu, buku log disediakan dan sistem kunci yang baik.
- Peraturan dalam bilik kebal membenarkan penggunaan internet yang disambung ke komputer dalam bilik kebal dan penghantaran soalan melalui emel.

Perpustakaan

- Perpustakaan ditabdir 3 orang staf.
- Perpustakaan mempunyai keluasan yang mampu menampung pelajar semasa.
- Perpustakaan menyediakan 10 buah komputer untuk kegunaan pelajar.
- Perpustakaan hanya mempunyai 250 buah buku berkaitan program.

Makmal Komputer

- PPT mempunyai dua buah makmal komputer bagi kegunaan pelajar.
- Komputer yang disediakan adalah memadai bagi menyempurnakan keperluan program.

6.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

6.2.1 Koleksi bahan rujukan berkaitan Al-Quran dan As-Sunnah di dalam perpustakaan adalah tidak memadai.

6.2.2 Peraturan dalam bilik kebal membenarkan penggunaan internet yang disambung ke komputer dalam bilik kebal dan penghantaran soalan melalui e-mel.

6.2.3 Kemudahan *wifi* tidak memuaskan.

6.2.4 Tiada penyata kewangan semasa yang disediakan.

6.3 Syarat:

6.3.1 Memperbanyakkan koleksi bahan rujukan berkaitan al-Quran dan as-Sunnah melalui pelbagai medium antaranya melalui koleksi *soft copy*, *e book* dan sumber percuma seperti Maktabah Shamilah.

6.3.2 Meningkatkan keselamatan bahan penilaian dengan melihat semula penggunaan *internet* yang disambung ke komputer dalam bilik kebal dan penghantaran soalan melalui emel yang menjejaskan aspek keselamatan bahan penilaian.

6.4 Cadangan Penambahbaikan:

6.4.1 Meningkatkan kemudahan *wifi* kepada para pelajar.

6.4.2 Mengemukakan penyata kewangan semasa bagi membuktikan kelestarian kewangan.

7. AREA 7: PEMANTAUAN DAN SEMAKAN SEMULA PROGRAM

7.1 Ulasan:

7.1.1 PPT mempunyai mekanisme penilaian program yang baik.

7.1.2 Pemantauan dan semakan kurikulum dilaksanakan secara sistematik dalam tempoh 5 tahun sekali oleh Panel Penasihat (Luar) KTD yang terdiri daripada pakar-pakar yang dilantik.

7.1.3 PPT melantik Panel Penasihat / Penasihat Akademik Luar iaitu Dr. Noor Hisham b Md Nawawi dan Panel Penilai Industri iaitu En Norazham b Yahaya pada 8 Februari 2018 dan PM Dr Mohd Muhiden bin Abd Rahman pada 22 Jun 2014. Panel penasihat juga terlibat untuk menyemak kertas soalan.

7.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

7.2.1 Perubahan yang dilakukan ke atas jumlah keseluruhan kredit bergraduat tidak dimaklumkan kepada pihak MQA dan tidak mendapat kelulusan daripada JPT, KPT. Sebarang pindaan

maklumat pada surat kelulusan pengendalian program oleh KPT perlulah mendapat kelulusan perubahan daripada JPT, KPT terlebih dahulu sebelum pindaan dibuat.

7.3 Syarat:

7.3.1 Membuat makluman kepada pihak MQA bagi perubahan maklumat program yang dilakukan dan mendapatkan kelulusan daripada JPT, KPT di dalam surat kelulusan pengendalian program dengan menyatakan dengan jelas kohort / pengambilan pelajar yang memulakan sebarang perubahan program tersebut.

7.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

8. AREA 8: KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN

8.1 Ulasan:

8.1.1 Pengurusan PPT mempunyai struktur dan urus tadbir yang jelas bagi memacu hala tuju yang baik.

8.1.2 Program Diploma Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah berada di bawah Jabatan Hal Ehwal Akademik.

8.1.3 PPT melaksanakan 11 jenis mesyuarat bagi memastikan urus tadbir yang baik.

8.1.4 Program ini diurus oleh Penyelaras Pengajian Islam dan mempunyai kelayakan yang memadai.

8.1.5 Komunikasi dua hala sentiasa berlaku di antara kepimpinan program dengan kepimpinan PPT dalam hal-hal pengambilan dan latihan staf, kemasukan pelajar, peruntukan sumber dan proses membuat keputusan dengan melalui mekanisma berikut:

1. Mesyuarat Pengurusan;
2. Mesyuarat Penyelaras;
3. Mesyuarat Akademik;
4. Mesyuarat Pemasaran.

8.1.6 Kriteria pemilihan dan perlantikan pemimpin akademik dalam program adalah seperti berikut:

1. Kekananan;
2. Prestasi kerja;
3. Komitmen terhadap kerja;
4. Kefahaman dan komitmen terhadap visi, misi dan nilai teras KTD;
5. Penghayatan Islam dalam kehidupan.

8.1.7 PPT menyediakan peruntukan kewangan tahunan untuk semua staf mengikuti latihan/kursus/bengkel sama ada untuk kerjaya umum ataupun dalam bidang khusus mengikut tugas dan jawatan.

8.1.8 Penyelaras Program mempunyai kelayakan yang memadai iaitu Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Quran dan Sunnah daripada Universiti Sains Islam Malaysia.

8.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

Tiada.

8.3 Syarat:

Tiada.

8.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

9. AREA 9: PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN

9.1 Ulasan:

9.1.1 PPT telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kualiti yang diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif 1 (Pentadbiran & Kewangan) yang bertanggungjawab mewujudkan Sistem Jaminan Kualiti yang merangkumi pelbagai aspek yang diperlukan. Jawatankuasa Kualiti di bawah Pengurus Hal Ehwal Akademik yang bertanggungjawab kepada Timbalan Ketua Eksekutif 2.

9.1.2 Kekerapan semakan yang dilakukan dan pencapaiannya:

1. Mesyuarat semakan diadakan setiap 6 bulan sekali/ minimum 1 tahun sekali.
2. Semakan yang berterusan dan disertakan dengan draf pencapaian yang diperolehi.
3. Audit dalaman (pilih satu isu dan isu itu akan diaudit) dari semasa ke semasa.

4. Audit luar – jika perlu untuk tujuan akreditasi program.
5. Semakan di peringkat jawatankuasa kualiti.

9.1.3 PPT membina budaya kualiti melalui:

- Mengadakan kempen kesedaran di kalangan staf dan pelajar melalui saluran berikut:
 - Perjumpaan pengurusan (Selasa) dua minggu sekali;
 - Perjumpaan pagi Isnin semua staf setiap minggu;
 - Edaran maklumat bertulis.

9.2 Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian:

9.2.1 Tiada pegawai khusus yang menguruskan aspek-aspek berkaitan kualiti.

9.3 Syarat:

9.3.1 Melantik seorang staf khusus yang akan menguruskan aspek berkaitan kualiti PPT khususnya kualiti berkaitan pengajaran dan pembelajaran bagi memperkukuhkan aspek *internal quality assurance*.

9.4 Cadangan Penambahbaikan:

Tiada.

PERAKUAN MENYELURUH

PPT disarankan untuk memberi maklum balas serta mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh panel penilai seperti yang terdapat dalam laporan di atas terutama syarat-syarat dan juga cadangan penambahbaikan. Syarat dan cadangan serta ulasan semasa lawatan bagi aspek yang perlu diperbaiki yang dinyatakan oleh panel penilai dalam laporan di atas perlu diambilkira bagi memperbaiki kualiti dan piawai pengendalian program pada masa akan datang. PPT juga perlu meneliti dapatan lawatan bagi aspek-aspek yang memerlukan tindakan lanjut (sila teliti setiap pernyataan di dalam ulasan dapatan lawatan bagi setiap *Area 1- Area 9*).